



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

23 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)

## River pollution traced to pond in duck farm

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheStar	Event	11	23 Feb

By IMRAN HILMY  
imran@thestar.com.my

A PIG farm in Seberang Prai was unfairly blamed for polluting two rivers when checks showed that the discharge came from a pond in a nearby duck farm, says a Penang exco member.

Agrotechnology committee chairman Fahmi Zainol said investigation by agencies found that the discharge flowed from the duck farm into Sungai Alor Merah and subsequently to Sungai Kulim.

"The news which went viral recently saying the pollution was caused by the pig farm was not accurate," he said after an inspection of the two farms at Sungai Lembu in Bukit Mertajam.

He said the pig farm, which was operating without a licence, had complied with regulations, discharging waste only into its designated treatment pond.

Fahmi assured Penangites that the pollution did not affect the Bukit Toh Allang water treatment plant in Sungai Kulim. The plant supplies water to Penang and is 7km from where Sungai Alor Merah and Sungai Kulim merge.

He said the duck farm had been operating for 15 years and was unlicensed as the licensing process for poultry farms in Penang under the Poultry Farming Enactment began only on Jan 1 this year.

On action to be taken against the duck farm operator, state Veterinary Services Department (DVS) director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said for now, the operator could only be fined by Seberang Prai City Council (MBSP).

"However, once licences are issued to poultry farms in the state, we can take stern action if they do not comply with stipulated regulations," she said.

She added the department would visit the farm from time to time to advise them.

As for the pig farm, the operator has until the end of March to comply with the requirements for a licence to operate.

PENANG

# River pollution traced to pond in duck farm

Probe into source of discharge in Sungai Lembu proves viral claims wrong



Fahmi (left) and officials from various agencies and MBSP checking a drain in Jalan Sungai Lembu, Bukit Mertajam in Penang, during the investigation into the cause of river pollution. — CHAN BOON KAI/The Star

## Petani resah cuaca panas jejas tanaman, ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33	23 Feb

# Petani resah cuaca panas jejas tanaman, ternakan

Oleh FADZIL ZAINOL  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA KANGSAR:** Cuaca panas berpanjangan mencetuskan kebimbangan kepada Mohamad Helmi Muhammad Rozi, 43, tentang nasib tanamannya yang mula menerima kesan.

“Dia yang mengusahakan penanaman cili, timun, terung, labu air dan labu manis kini berdepan peningkatan kos tinggi akibat penggunaan pam elektrik tinggi bagi memastikan tanaman mendapat air secukupnya.

“Pokok memerlukan air yang banyak. Penggunaan tenaga elektrik untuk pam kena lebih masa sekali gus kos meningkat.

“Untuk tanam pokok baharu memang jadi masalah sebab suhu panas membuatkan anak-anak pokok lemah dan tak mampu bersaing dengan cuaca panas. Berlaku sikit penurunan hasil,” katanya di sini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) beberapa hari lalu meletakkan daerah ini pada Tahap Satu atau berjaga-jaga, iaitu suhu maksimum harian antara 35 hingga 37 darjah Celsius sekurang-kurangnya selama tiga hari berturut-turut.

Cuaca panas berpanjangan ini dikhawatir mewujudkan sekali lagi episod hitam buat diri Mohamad Helmi kerana projek ternakan ikannya pernah musnah dilanda banjir pada 2016.

Dia kemudian mencuba nasi dalam bercucuk-tanam sejak 2018 dan hasilnya dihantar terus ke pasar borong dan kedai sekitar Manong dan Kuala Kangsar.



**SUASANA** ladang ternakan lembu dan kerbau di Kampung Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak. - UTUSAN

Seorang lagi petani, Khairul Muis Mohamed Yusof, 38, berkata, ternakan kambing, lembu dan kerbau yang diusahakannya sedikit terkesan apabila rumput padang ragut terjejas akibat cuaca panas.

“Ya, cuaca panas. Ada ke-

san sikit pada rumput ragutan. Menjadi kurang subur, sudah dua minggu,” katanya.

Ladang ternakannya yang terletak di Kampung Kota Lama Kanan di sini mempunyai 220 ekor kambing dan biri-biri, 20 ekor kerbau dan 50 ekor lembu.

## Tawar harga ayam murah tapi tipu timbangan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Mahkamah & Jenayah	14	23 Feb

## Tawar harga ayam murah tapi tipu timbangan



Pemeriksaan pegawai KPDN terhadap sebuah premis perniagaan runcit ayam di Kg Padang Enggan mendapat peniaga menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak ditentusahkan bagi tujuan perdagangan.

**KOTA BHARU** - Taktik licik seorang peniaga di Jalan Pasir Hor, Kampung Padang Enggan di sini yang disyaki menawarkan harga ayam murah dengan menipu timbangan berjaya dihidu oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada Rabu.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, serbuan bersama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-Bri) dijalankan selepas tindakan peniaga itu tular di laman sosial.

"Pemeriksaan pada jam 10.30 pagi dijalankan terhadap premis perniagaan runcit ayam tersebut mendapat peniaga menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak ditentusahkan bagi tujuan perdagangan.

"Tindakan itu dikesan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut beliau, terdahulu anggota

KPDN telah membuat penyamaran sebagai pengguna dan membuat uji beli awal.

Menurut beliau, hasil penyamaran berkenaan mendapat timbangan awal daripada penjual tidak menepati serta meragukan kuantiti atau berat yang dijual kepada pengguna.

Azman memberitahu, tindakan kes juga diambil kerana melanggar perundangan di bawah penguatkuasaan MPKB-Bri.

"KPDN Kelantan menasihatkan pengguna agar tampil untuk membuat sebarang aduan khususnya melibatkan kenaikan harga barang keperluan, jualan harga yang mengelirukan atau ketidakpatuhan peniaga mengikut saluran rasmi disediakan kementerian.

"Kami berharap pengguna dan peniaga mewujudkan situasi perdagangan yang harmoni untuk mengukuhkan ekonomi negara," katanya.

## Jual ayam murah, tapi ‘tipu’ timbangan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	31	23 Feb

**Jual ayam murah, tapi ‘tipu’ timbangan**

**KOTA BHARU:** Taktik licik peniaga ayam yang menjual bahan mentah itu dengan harga murah, namun menipu timbangan terbongkar selepas diserbu anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) Kelantan, kelmarin.

Serbuan pukul 10.30 pagi di Jalan Pasir Hor di sini itu dilakukan bersama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) selepas perkara tersebut tular dalam laman sosial sejak beberapa hari lalu.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, pemeriksaan yang dijalankan mendapati, peniaga terbabit menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak disahkan bagi tujuan perdagangan.

“Terdahulu sepasukan anggota telah membuat penyamaran sebagai pengguna dan mendapati timbangan awal daripada penjual tidak menepati serta meragukan kuantiti atau berat yang dijual.

“Oleh itu, kita dapatkan peniaga itu telah melanggar Akta Timbang dan Sukat 1972,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Azman memberitahu, pada masa sama, MPKB-BRI turut mengambil tindakan undang-udangan ke atas peniaga tersebut di bawah bidang kuasa mereka.

## Jual ayam murah, tapi tipu timbangan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	16	23 Feb

KPDN Kelantan menyamar jadi pelanggan

# Jual ayam murah, tapi tipu timbangan

Oleh MUHAMMAD AYMAN  
GHAFFA

**KOTA BHARU** — Taktik seorang peniaga di Jalan Pasir Hor di sini, yang kononnya menjual ayam proses pada harga murah, namun menipu timbangan terbongkar selepas premisnya diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) Kelantan kelmarin.

Serbuan itu dijalankan pihak KPDN bersama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) pada pukul 10.30 pagi selepas taktik peniaga tersebut tular di media sosial beberapa hari lalu.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, sepasukan anggota KPDN sebelum ini menyamar sebagai pembeli dan mendapati timbangan awal daripada penjual itu tidak memepati kuantiti atau berat yang dijual.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, peniaga terbabit menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak disahkan untuk tujuan perdagangan.

"Tindakan itu menunjukkan bahawa peniaga ayam proses tersebut melanggar Akta Timbang dan Sukat 1972.

"MPKB-BRI turut mengambil



**PREMIS** yang kononnya menawarkan harga ayam proses murah, tetapi menipu timbangan di Jalan Pasir Hor, Kota Bharu. — IHSAN KPDN

tindakan undang-udangan ke atas peniaga itu di bawah bidang kuasa mereka," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azman memberitahu, semua pengguna diminta untuk terus

tampil membuat sebarang aduan khususnya melibatkan kenaikan harga barang keperluan dan jualan harga yang mengelirukan mengikut saluran rasmi disediakan.

# **TERIMA KASIH**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**